


# Sains @com

MERGASTUA  
DI LANGKAWI »8



Keunikan kawanan  
burung helang  
di Kuala Selangor  
sewajarnya  
menjadi bahan  
kajian supaya tidak  
berlaku kepupusan.

## PELIHARA HABITAT BURUNG



# Kekalkan habitat bersih

Pencemaran akan akan mengganggu kesihatan burung yang akan menjejaskan populasi

Oleh **ASHRIQ FAHMY AHMAD**  
ashriq.ahmad@utusan.com.my

**J**IKA sebelum ini aktiviti memerhati dan memberi makan helang popular di sekitar Sungai Kilim, Pulau Langkawi, Kedah dan Tanjung Tuan, Port Dickson, namun Kuala Selangor, Selangor juga rupanya tidak kurang hebat.

Struktur ekosistem terpelihara dan kadar makanan yang masih tinggi merupakan antara faktor utama kawanan helang daripada pelbagai spesies berkampung di sana.

Kuala Selangor merupakan sebuah daerah yang didiami golongan nelayan sesuai dengan kedudukannya di muara, ia merupakan antara salah sebuah pusat pengeluaran hasil laut utama di negara ini.

Terbaharu, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah mengadakan program Media Massa Bersama Nelayan sekali gus memberi

kesempatan sebahagian pengamal media untuk melihat sendiri tarikan kawanan helang tersebut.

Pada awalnya rombongan media diberi peluang merasai pengalaman memancing udang galah berdekatan tebing sungai berhampiran sebelum aktiviti diteruskan ke kawasan muara untuk melihat helang. Ketika sampai di kawasan yang



**KOMPLEKS** pendaratan ikan LKIM di Kuala Selangor bakal menjadi tumpuan orang ramai untuk mendapatkan hasil laut segar.

dimaksudkan, keadaan kelihatan tenang dengan beberapa kawanan burung-burung laut seperti burung pucung terbang rendah melintasi bot-bot yang membawa rombongan media lalu hinggap di dahan pokok berhampiran tebing.

Pemandu bot mula mengeluarkan potongan-potongan kulit ayam dan beberapa bahagian lain lalu dicampakkan ke dalam air.

Sejurus kemudian, sejumlah helang daripada pelbagai jenis mulai berlegar-legar di udara menghampiri kawasan bot.

Satu persatu sisa kulit ayam disambar dan di julang ke udara.

Pada peringkat awal hanya seekor dua namun selepas beberapa minit berlalu, jumlahnya semakin bertambah dan seolah-olah sedang berpesta makanan.

Apa jelas, kawanan burung helang

tersebut kelihatan bersahaja menyambar sisa kulit ayam yang diberikan tanpa rasa takut.

Rata-rata peserta yang melihat amat teruja sambil merakamkan pelbagai aksi burung pemangsa tersebut menjunam menyambar makanannya.

Selain rombongan media, terdapat juga rombongan pelancong asing berdekatan mengambil kesempatan melihat kawanan burung helang tersebut.

Sementara itu, menurut Naib Presiden Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS), **Prof. Dr. Ahmad Ismail**, untuk mengekalkan kehadiran burung pemangsa di Kuala Selangor, pihak yang berkenaan perlu menjaga kawasan sekitarnya.

Hal demikian kerana burung-burung tersebut memerlukan habitat yang bersih dan tidak terganggu untuk membiak, bersarang dan hinggap.



**DR. AHMAD ISMAIL**



Aktiviti melihat helang kebiasaannya dilakukan bermula dari pukul 5 hingga 7 malam setiap hari kerana pada waktu itu aktif mencari makanan.



SALAH sebuah bot yang membawa kumpulan media melawat habitat burung helang.

Beliau yang juga Ketua Jabatan Biologi, Fakulti Sains, Universiti Putra Malaysia (UPM) berkata, habitat tersebut perlu bebas daripada pencemaran seperti bahan beracun yang akan mengganggu kesihatan burung pemangsa.

Selain itu, hutan bakau di sepanjang pantai itu juga perlu diberi perhatian terutama di Taman Alam Kuala Selangor yang diuruskan oleh MNS.

"Hutan sekunder sepanjang pantai yang menjadi habitat dan sarang burung juga perlu dikenal pasti.

"Secara semula jadi burung helang memerlukan makanan yang kaya dengan protein dan kalsium.

"Kebanyakan burung tersebut menangkap ikan di luar habitat mereka, justeru haiwan pemangsa itu memerlukan otot dan tulang yang kuat serta bulu yang sihat," katanya.

Beliau turut menyentuh penggunaan kulit ayam yang diberi untuk menarik perhatian burung-burung tersebut sebagai tidak sesuai.

"Sekiranya diberikan kulit ayam yang memiliki banyak lemak serta mempunyai bahan kimia seperti antibiotik dan hormon, kemungkinan akan memberi kesan negatif kepada kesihatan burung tersebut," katanya.

Dr. Ahmad Ismail menambah, memerhati burung pemangsa seperti helang tidak semestinya dengan memberi makanan.

Aktiviti tersebut lebih menarik dan mencabar bagi pencinta atau peminat burung jika dapat melihat aktiviti mereka secara semula jadi.

"Perlakuan burung pemangsa yang suka melayang di udara pada masa tertentu di muara sungai boleh menarik pelancong dan peminat burung, justeru tidak perlu menarik perhatian dengan menggunakan sisa makanan," katanya.

Dalam pada itu, kawasan tumpuan spesies burung pemangsa adalah di sekitar Taman Alam Kuala Selangor iaitu kawasan hutan simpan seluas 201 hektar yang terletak di pesisiran Kuala Sungai Selangor.

Terdapat beberapa pengusaha yang menyediakan bot khas untuk tujuan tersebut dan perkhidmatan tersebut boleh didapati dengan mudah di sekitar Kuala Selangor.

Kini, aktiviti melihat helang di Kuala Selangor bukan sahaja dikenali oleh masyarakat tempatan, malah ia turut menarik minat pelancong dari luar negara yang datang ke Kuala Selangor untuk menyaksikannya.

## Tarikan pelancongan di Kuala Selangor

**B**AGI Pengerusi LKIM, **Datuk Irmohizam Ibrahim**, kehadiran burung tersebut dapat meningkatkan potensi Kuala Selangor sebagai salah satu kawasan tarikan pelancongan.

"Sebelum ini kita terkenal dengan kelip-kelip yang begitu banyak di sepanjang sungai di Kuala Selangor dan kehadiran kawan helang ini merupakan tarikan tambahan kepada daerah ini," katanya ketika berucap kepada pengamal media pada program Nelayan Bersama Media Massa di Kuala Selangor, Selangor baru-baru ini.

Jelasnya, Kuala Selangor sememangnya terkenal dengan produk hasil laut, justeru kehadiran kawan burung helang itu bakal memeriahkan lagi sektor pelancongan di sana.

"Kita ada pelbagai tarikan di sini yang rata-rata masih ramai dalam kalangan masyarakat kita sendiri belum mengetahuinya, justeru segala tarikan tersebut perlu dimanfaatkan sepenuhnya untuk meningkatkan ekonomi masyarakat nelayan yang tinggal di sini," katanya.

Terbaharu kerajaan telah memperuntukkan dana sebanyak RM250 juta untuk mengemas kini kawasan perumahan nelayan seluruh negara.

Jelasnya ia bertujuan untuk menjadikan penempatan nelayan lebih bersih dan indah untuk menarik pelancong yang ingin mendekati golongan tersebut.

"Ramai yang berminat untuk merasai kehidupan seorang nelayan, justeru kewujudan program atau inap desa (*homestay*)

bagi mereka yang ingin mendekati kehidupan nelayan pasti akan mendapat sambutan.

"Ia juga sesuai untuk peminat-peminat aktiviti berkaitan nelayan dan kaki pancing untuk menetap di kemudahan yang disediakan tersebut," katanya.

Tambah Irmohizam yang juga Ahli Parlimen Kuala Selangor, pihaknya akan melihat model terbaik untuk diketengahkan sebagai tarikan kepada pelancong bersama pihak LKIM dan akan diketengahkan kepada masyarakat.

Di Kuala Selangor contohnya, terdapat pelbagai kemudahan seperti pasar nelayan, balai nelayan dan jeti yang perlu dibaik pulih untuk kemudahan masyarakat serta dapat menarik perhatian pelancong dari dalam mahupun luar negara.

Ia masih lagi diperbincangkan dan belum lagi diputuskan, namun pihak kementerian telah meneliti satu atau dua tempat yang bersesuaian untuk dijadikan kawasan tumpuan pelancongan serta sektor perikanan.

Apa yang lebih penting kata Irmohizam, kerajaan mahu menjadikan satu-satu kawasan yang dipilih itu lebih holistik serta menyeluruh.

"Ia bukan sahaja bagi menjadikan penempatan nelayan lebih selesa, malah di situ juga kita dapat melihat kaedah penangkapan ikan, wujud sedikit keindahan dari segi inap desa

serta terdapat aktiviti ekonomi yang dijalankan," ujarnya.



IRMOHIZAM IBRAHIM

Ramai yang berminat untuk merasai kehidupan seorang nelayan. Justeru, kewujudan inap desa (*homestay*) bagi mereka yang ingin mendekati kehidupan nelayan pasti akan mendapat sambutan."